

15 APR 1996

MPE '96 - PERINTIS PELUANG BAGI PELABUR MALAYSIA-CROATIA

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB (CROATIA), 15 April (Bernama) -- Lima atau 10 tahun lepas, pelabur Malaysia gerun untuk melabur di negara asing atau menubuhkan usaha sama dengan syarikat lain di seberang laut yang jaraknya beribu-ribu kilometer dari tanah air. Malah, istilah "pelaburan berbalik" tidak pernah wujud dalam angan-angan mereka pada waktu itu.

Perkara ini bagaimanapun berubah apabila penganjur utama perdagangan bebas negara ini - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri - mengambil daya usaha untuk mengadakan rombongan dagang ke luar negara bagi membuktikan kepada usahawan tempatan bahawa terdapat banyak peluang pelaburan untuk mereka rebut di seberang laut.

Dengan didorong oleh hakikat tersebut, 28 syarikat Malaysia kini cuba memanfaatkan peluang yang ada di Zagreb, ibu negara Croatia yang sedang giat membina ekonomi pasaran ala barat yang pesat berkembang.

Wakil-wakil syarikat terbabit serta agensi kerajaan kini berada di dengan rakan sejawat mereka dari Croatia.

Bagi memudahkan urusan mereka, Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) mengadakan pameran lima hari di sana untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan keluaran syarikat-syarikat serta agensi-agensi kerajaan Malaysia.

Ini termasuk produk berasaskan minyak sawit, peralatan audio-video, alat penyaman udara, basikal, alat ganti automatif serta barangan getah untuk kegunaan perubatan dan pembinaan bangunan.

Antara keluaran makanan yang dipamerkan ialah makanan siap, produk koko, serbuk santan, makanan ringan, minyak masak dan makanan dalam tin.

Turut di pameran ialah produk berkaitan industri pembinaan, pembangunan harta, pelancongan, barangan berasaskan kayu, khidmat perundingan, perdagangan, telekomunikasi, produk susu getah dan PVC.

Antara agensi kerajaan dan syarikat terkemuka Malaysia yang menyertai Pameran Produk Malaysia (MPE) '96 yang bermula di Zagreb esok ialah Berjaya Group, Chase Perdana Bhd, Edaran Otomobil Nasional Bhd, FAMA, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Majlis Penggalakan Minyak Sawit Malaysia, Sapura Holdings Sdn Bhd, Sime Darby Bhd, Lembaga Perusahaan Nenas Malaysia, Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia dan Yeo Hiap Seng Sdn Bhd.

Dr Mahathir serta rombongan yang dianggotai oleh para ahli perniagaan Malaysia juga akan melawat Bosnia-Herzegovina, Macedonia dan Malta selepas mengadakan lawatan sehari ke Croatia. -- BERNAMA

SS DIN SIA